

R GB 21-09 00161 BH914

bah

KERAJAAN ANTI-PERSEKUTUAN DI SABAH MERUPAKAN HALANGAN

Mahathir - Temubual

I

KOTA KINABALU, 21 Sept (Bernama) -- Hasrat kerajaan pusat membantu Sabah dan rakyatnya dihalang oleh pendirian kerajaan negeri yang anti-persekutuan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

+Kita dihalang daripada membuktikan bahawa kita tidak berniat jahat terhadap rakyat di Sabah oleh kerajaan negeri yang bersikap anti-Persekutuan,+ katanya dalam temubual yang disiarkan oleh akhbar Sabah Times hari ini.

Temubual itu diadakan semasa Perdana Menteri melawat ke Tawau pada Khamis untuk berucap pada perhimpunan Pemuda Barisan Nasional.

Ini merupakan lawatan rasmi beliau yang pertama ke pekan di pantai timur sejak menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Sabah mahu menyemarakkan sentimen kenegerian demi kepentingannya sendiri dan bukan untuk kebaikan rakyat Sabah.

+Rakyat Sabah akan sedar bahawa tokoh-tokoh politik ini hanya berjuang untuk membolehkan mereka berkuasa,+ katanya apabila ditanya bagaimana beliau mahu membasmi sentimen anti-persekutuan itu. -- Lagi

▼21/09/16-19MST

U GB 21-09 00173 BH915

bah

Mahathir - Temubual 2 Kota Kinabalu

Beliau berkata: +Mereka seolah-olah mempunyai keinginan mahu menjadi orang besar dalam dunia yang kecil ini daripada menjadi orang kecil dalam dunia yang besar. Itu rancangan mereka.+

Ketika ditanya sama ada politik sentimen jauh lebih berkesan daripada politik pembangunan di Sabah, Dr Mahathir berkata, pada dasarnya perkara ini benar tetapi malang kerana ia bersifat memecah-belah.

+Pembangunan boleh memberi faedah kepada semua kerana anda tidak boleh membina sebatang jalan raya hanya untuk satu masyarakat kerana sesiapa sahaja boleh menggunakan jalan itu. Bagaimanapun, jika seseorang itu mula bermain dengan sentimen, pembangunan negeri akan tergendala...ini kerana setiap kali hendak melakukan sesuatu, setiap orang akan bertanya bagaimana ia boleh mendatangkan faedah kepada kaumnya,+ katanya.

Mengenai masa depan USNO, parti politik tertua di Sabah yang kebanyakan anggotanya menyertai UMNO, Dr Mahathir berkata, kedua-duanya boleh wujud bersama dalam senario politik di Sabah.

Bagaimanapun, ini bergantung kepada rakyat Sabah kerana USNO dan UMNO tidak mempunyai masalah untuk hidup bersama, katanya. -- Lagi

▼21/09/16-34MST

CNS4924

U GB 21-09 00150 BH916

bah

Mahathir - Temubual 3 Kota Kinabalu

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO dan pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, rakyat di Sabah boleh menganggotai USNO atau UMNO tetapi mereka tidak harus bermusuhan antara satu sama lain.

UMNO tidak ada halangan jika rakyat mahu USNO diserapkan ke dalam UMNO, katanya.

+Jika itu cara yang dipilih rakyat Sabah untuk mengukuhkan UMNO, maka itulah pilihan mereka,+ katanya ketika diminta mengulas laporan baru-baru ini bahawa keputusan mengenai masa depan USNO bergantung kepada beliau sebagai pengerusi BN.

Dr Mahathir berkata, walau apapun, kedua-dua parti itu akan tetap kekal sebagai sebahagian sejarah Sabah +kerana dalam banyak segi, sejarah USNO juga adalah sejarah UMNO+.

Ini kerana banyak bimbingan dan aspirasi yang diberikan oleh pemimpin kuat UMNO semasa USNO ditubuhkan, katanya.

Beliau berkata, adalah penting UMNO tidak dianggap sebagai nama lain bagi USNO. -- Lagi

▼21/09/16-35MST

U GB 21-09 00166 BH917

bah

Mahathir - Temubual 4 Kota Kinabalu

+Jadi, dalam kata lain, USNO adalah kesinambungan perjuangan UMNO,+
katanya.

Dr Mahathir bahawa UMNO tidak mahu mengembangkan sayapnya ke Sabah kerana sensitiviti tertentu tetapi ia terpaksa berbuat demikian disebabkan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Beliau juga berkata, ini tidak bermakna bahawa hanya dengan menyertai UMNO, golongan bumiputera dapat disatukan kerana ia boleh dicapai melalui pelbagai cara.

+Kita boleh bekerjasama dengan parti-parti lain. Tiada niat UMNO untuk menghapuskan parti bumiputera lain dan menjadi parti tunggal untuk kaum bumiputera,+ katanya.

Mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Mahathir berkata, akta itu tidak digunakan terhadap Sabah.

Beliau berkata: +Di Semenanjung, lebih ramai orang telah ditahan di bawah ISA. Hanya mereka yang mengganggu ketenteraman awam sahaja yang ditahan. Mereka yang cuba menimbulkan sentimen perkauman dan menjejaskan kestabilan adalah orang yang ditahan di bawah ISA.

+Memang pada suatu masa kerajaan Sabah memainkan isu mengenai sentimen ini. -- Lagi

▼21/09/16-50MST

U GB 21-09 00205 BH918

bah

Mahathir - Temubual 5 (Akhir) Kota Kinabalu

+Kita boleh beritahu nama orang yang terlibat di Semenanjung, termasuk Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang pernah ditahan.

+Tetapi kini beliau seorang menteri. Kita juga mempunyai kes yang sama dalam kerajaan.+

Dr Mahathir berkata, masalah sesetengah rakyat Sabah ialah mereka mahu menjadi pemimpin negara tetapi berfikir hanya mengenai Sabah.

+Anda tidak boleh berbuat demikian. Anda mesti menjadi rakyat Malaysia dan bukan rakyat Sabah. Jeffery (Datuk Dr Jeffery Kitingan) pernah bertanya jika rakyat Sabah boleh menjadi Perdana Menteri?

+Seorang rakyat Sabah tidak boleh menjadi Perdana Menteri tetapi rakyat Malaysia boleh. Jika melalui sentimen anda rakyat Sabah sejati, anda tidak akan berjaya kerana tiada sesiapa pun yang akan mengundi anda. Anda boleh menang di Sabah tetapi anda tidak boleh menang di bahagian lain di negara ini dengan sentimen sedemikian.+

Mengenai cadangan Pairin bahawa Hari Malaysia disambut pada 16 Sept, Dr Mahathir berkata: +Kita tidak seharusnya menggunakan tarikh ini untuk menyelaraskan tarikh tersebut dengan tarikh kemerdekaan Sabah dan Sarawak.

+Kita tidak sepatutnya bersifat memecah-belah. Sikap terlalu menekankan tarikh 16 Sept sudah tentu bersifat memecah-belah dan dengan sengaja cuba menggunakan isu itu untuk memecahkan Malaysia.+ -- Bernama